



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**23 FEBRUARI 2021**

1. Harimau belang 160Kg ditangkap.
2. Bawa kucing guna pesawat peribadi

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Awang Rasau baham ternakan penduduk ditemui cedera ditembak

# Harimau belang 160kg ditangkap

Oleh NIK NUR IZZZATUL HAZWANI  
NIK ADNAN

**DUNGUN** – Kerisauan lebih 300 peneroka di Felda Kerteh 3 dan Kerteh 4, Ketengah Jaya di sini berakhir selepas seekor harimau belang yang membaham 35 ekor lembu ternakan penduduk akhirnya ditangkap semalam.

Haiwan jantan seberat lebih 160 kilogram (kg) yang digelar 'Awang Rasau' itu ditangkap di ladang kelapa sawit Felda Kerteh 3 pada pukul 11.30 pagi.

Penolong Pegawai Hidupan Liar Kanan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Nik Mohd. Zamani Awang berkata, pihaknya dan Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menerima maklumat penemuan harimau daripada penduduk kampung kelmarin.

"Kami memulakan operasi pada pukul 8 pagi tadi (semalam) dan mengambil masa hampir empat jam untuk menangkap harimau belang tersebut.

"Haiwan itu dijumpai kira-kira tiga kilometer dari lokasi yang dimaklumkan penduduk kampung" katanya pada sidang akbar di Pejabat Perhilitan Dungun di sini semalam.

Terdahulu, dua video berdurasi 0.29 saat dan 0.54 saat memaparkan seekor harimau yang



KERATAN Kosmo 21 Februari 2021.

cedera itu di bahagian kaki tular di media sosial.

Nik Mohd. Zamani berkata, semasa dijumpai, harimau belang berusia antara 14 dan 16 tahun itu cedera dan cuba melarikan diri ke kawasan hutan berhampiran untuk menyelamatkan diri.

Beliau berkata, pak belang tersebut ditemui dengan kesan kecederaan di beberapa bahagian badan termasuk perut dan belakang dipercayai ditembak oleh pemburu haram.

"Haiwan itu yang turut mengalami kecederaan di belakang badan dan kaki belakang bergerak dengan hanya bergantung pada kaki hadapan.

"Awang Rasau' akan dibawa baki ke NWRC, Sungkai, Perak untuk rawatan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Nik Mohd. Zamani tidak menolak kemungkinan harimau tersebut merupakan haiwan yang membaham tern-



ANGGOTA Perhilitan mengangkat harimau belang seberat 160kg yang ditemui di ladang kelapa sawit Felda Kerteh 3, Ketengah Jaya, Dungun semalam.

kan milik penternak kawasan itu sebelum ini.

Sementara itu, peneroka Felda Kerteh 3, Rosli Abas, 58, berkata, dia menarik nafas lega berikutan

penangkapan harimau tersebut.

"Sebelum ini, kami hendak masuk ladang pun takut selepas tersebar kejadian harimau belang menyerang lembu di ka-

wasan ladang.

"Saya sentiasa berjaga-jaga sekiranya masuk ladang seorang diri. Rasa lega apabila haiwan itu ditangkap," katanya.

Wanita gagal tunjuk permit, haiwan dirampas

# Bawa kucing guna pesawat peribadi

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** — Tindakan seorang perempuan warga China membawa seekor kucing Parsi menggunakan pesawat peribadi tanpa permit berjaya dikesan pihak berkuasa baru-baru ini.

Haiwan itu dikesan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) selepas pesawat yang dinaiki wanita berusia 43 tahun tersebut dari Kemboja tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini pada pukul 4.30 petang, Khamis lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Zambri Hashim berkata, siasatan awal mendapati kucing yang berharga RM350 itu dibawa masuk ke negara ini untuk tujuan peliharaan.

"Pemeriksaan mendapati haiwan itu tidak mempunyai permit import yang sah.

"Ini merupakan rampasan pertama direkodkan Maqis menerusi pesawat peribadi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, kegagalan untuk mengemukakan dokumen permit import semasa pemeriksaan di pintu masuk negara merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Sabit kesalahan, wanita itu boleh dikenakan hukuman den-



KUCING Parsi yang dirampas pihak Maqis Selangor di Subang pada Khamis lalu.

da tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya.

"Adalah penting untuk pengimpor mematuhi syarat-syarat pengimportan haiwan peliharaan bagi memastikan haiwan tersebut bebas sebarang risiko penyakit.

"Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosecuriti, kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara kita," katanya.



INILAH pesawat peribadi yang membawa kucing parsı milik seorang wanita warga China.